

# Lelaki ugut bunuh bapa dipenjara lapan bulan

**KUCHING:** Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara lapan bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam akibat mengugut bunuh bapanya gara-gara tidak diberi wang.

Majistret Ling Hui Chuan menjatuhkan hukuman itu terhadap Mohamad Hafizi Khaidir, 33, selepas dia mengaku bersalah apabila didakwa mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan.

Seksyen itu membawa hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Mohamad Hafizi didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah rumah di Kampung Sungai Maong di sini, kira-kira jam 7 pagi pada 25

September 2024.

Berdasarkan fakta kes, Mohamad Hafizi naik angin apabila bapanya enggan memberikannya wang.

Dia kemudian mengambil parang dan menjerit kepada bapanya mengatakan bahawa dia harus mati.

Bimbang akan keselamatan diri, bapanya membuat laporan polis yang akhirnya membawa kepada penangkapan Hafizi.

Hasil siasatan mendapati kata-kata Mohamad Hafizi telah menimbulkan ketakutan dan mengancam keselamatan bapanya.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa ASP Arman Ibrahim sementara Mohamad Hafizi tidak diwakili peguam.